



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500


Faks : 03-8880 3886

No. fax Pesuruhjaya Sumpah: 03-8880 4042

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :
Your Ref :
Ruj. Kami : JK/MP 116(53)/726-1
Our Ref : Kit.2(58)
Tarikh : 06 Mac 2013
Date :

Presiden
Lembaga Jurutera Malaysia
Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR
Kompleks Kerja Raya Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR



Tuan,

**PENGGUGURAN NAMA PESURUHJAYA SUMPAAH (COMMISSIONER FOR OATH)
UNTUK MEMBUAT "SALINAN DIAKUI SAH" (CERTIFIED TRUE COPY)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Pesuruhjaya Sumpah tidak diberikan kuasa untuk mengakui sahkan mana-mana dokumen sebagaimana surat arahan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya bertarikh 13 Jun 2005.
- Walau bagaimanapun di dalam garis panduan '**Pendaftaran Jurutera Siswazah**' yang dikeluarkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia terdapat perkataan Pesuruhjaya Sumpah sebagai seorang yang boleh membuat pengesahan 'salinan diakui sah'. Bersama-sama ini disertakan garis panduan tersebut seperti di Lampiran A.
- Sehubungan itu, bahagian ini memohon kepada pihak tuan supaya **menggugurkan nama/perkataan Pesuruhjaya Sumpah** di dalam senarai individu yang boleh mengesahkan dokumen pada garis panduan tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan peruntukan yang menerangkan tentang bidang kuasa Pesuruhjaya Sumpah

iaitu **Kaedah 12, Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993** dan surat arahan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaysia bertarikh 13 Jun 2005 seperti di Lampiran B.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD REHAN BIN MOHD ARIS)


Ketua Bahagian Pesuruhjaya Sumpah

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

SuratgugumamaPJS



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
PALACE OF JUSTICE
PRECINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500
03-8880 3700
03-8880 3900
Fax : 03-8880 3886

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : 13 JUN 2005

**Pesuruhjaya Sumpah
Semenanjung Malaysia
Sabah/Sarawak**

Tuan /Puan,

**LARANGAN MELAKUKAN SALINAN DIAKUI SAH PADA SEBARANG
DOKUMEN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk pengetahuan tuan/puan, adalah dijelaskan disini bahawa Pesuruhjaya Sumpah tidak diberi kuasa untuk mengakui sahkan mana-mana dokumen. Dilampirkan disini peruntukan yang menerangkan tentang bidang kuasa Pesuruhjaya Sumpah iaitu Kaedah 11 (bagi Peguambela dan peguamcara) dan Kaedah 12 (bagi Orang Awam atau Persendirian) , Kaedah-kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993.
3. Walaubagaimanapun, Pesuruhjaya sumpah adalah dibenarkan menerima akuan berkanun yang ditandatangani sendiri oleh pemilik dokumen yang mengakui bahawa salinan dokumen tersebut adalah benar dari dokumen asal.
4. Sila ambil perhatian bahawa sebarang pelanggaran pada Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya sumpah 1993, boleh mengakibatkan perlantikan Pesuruhjaya Sumpah dibatalkan dengan serta-merta.

Sekian. Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

saya yang menurut perintah,



(TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT)
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
(Menjalankan Tugas-Tugas Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia)
PUTRAJAYA
lamp.

- (v) sumpah wasi-wasi dan pentadbir-pentadbir; dan
- (vi) sumpah orang-orang dalam apa-apa tindakan, perkara atau prosiding yang menunggu penyelesaian atau hampir hendak dimulakan dalam mana-mana mahkamah; dan

(a) mengambil dan menerima akuan berkanun:

Dengan syarat bahawa seseorang peguambela dan peguamcara tidak boleh menjalankan apa-apa fungsi yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (d) berkenaan dengan mana-mana orang yang terlibat dalam mana-mana prosiding mahkamah yang diwakili oleh peguambela dan peguamcara itu atau firmannya. [Pind. P.U. (A) 296/93]

12. Pegawai awam atau orang lain.

Seseorang pegawai awam atau orang lain yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah boleh melakukan kesemua atau mana-mana yang berikut:

(a) mengendalikan sumpah untuk—

- (i) justifikasi jaminan;
- (ii) mengambil apa-apa affidavit atau ikrar;
- (iii) sumpah wasi-wasi dan pentadbir-pentadbir; dan
- (iv) sumpah orang-orang dalam apa-apa tindakan, perkara atau prosiding yang menunggu penyelesaian atau hampir hendak dimulakan dalam mana-mana mahkamah; dan

(b) mengambil dan menerima akuan berkanun:

Dengan syarat bahawa seseorang pegawai awam atau orang lain yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah tidak boleh menjalankan apa-apa fungsi yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) berkenaan dengan mana-mana dokumen yang disediakan olehnya.

BAHAGIAN VI

KELAKUAN DAN TUGAS-TUGAS PESURUHJAYA SUMPAH

13. Kelakuan dan tugas-tugas Pesuruhjaya Sumpah.

(1) Semasa melaksanakan tugas-tugasnya, seseorang Pesuruhjaya Sumpah hendaklah menyematkan di poket baju atas sebelah kiri suatu teg pengenalan yang diperihalkan dalam Borang 5.